

U B857 DEB

MAHATHIR-BUKIT CINA

SHAH ALAM, 3 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD HARIINI MEMBIDAS DAP KERANA KEGHAIRAHANNYA MENUDUH KERAJAAN INGIN MENINDAS SESUATU KAUM APABILA KERAJAAN INGIN MEMBANGUNKAN SESUATU KAWASAN.

PERDANA MENTERI BERKATA CADANGAN KERAJAAN UNTUK MEMBANGUNKAN SEBUAH KAWASAN DI MELAKA UMPAMANYA MENDAPAI KRITIKAN DAP. SUNGGUHPUN KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI NIAT LANGSUNG UNTUK MENINDAS MANA-MANA KAUM.

+APABILA KITA MEMBUAT PENGUMUMAN UNTUK MENGADAKAN PEMBANGUNAN DI SANA SINI, MAKA MEREKA PUN MULALAH MEMBUAT TAFSIRAN SENDIRI KONONNYA INI SATU CARA KERAJAAN MENINDAS KAUM LAIN, + TAMBAHNYA DI UPACARA MENYAMBUT KETIBAANYA UNTUK MEMULAKAN LAWATAN DUA HARI KE SELANGOR DI BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH DI SINI.

SERAMAI 5,000 ORANG BERKUMPUL DI IBUPEJABAT KERAJAAN SELANGOR ITU UNTUK MENYAMBUT KEDATANGANNYA DAN SEBAIK SAHAJADR, MAHATHIR DAN ISTERI TIBA, MEREKA MELAUNGKAN +HIDUP MAHATHIR+ SELAMATIGAKALI.

MEREKA MEMBAWA 200 BENDERA UMNO DAN LAIN-LAIN KOMPONEN PARTI BARISAN NASIONAL SERTA SEPANDUK YANG MEMAPARKAN PELBAGAI COGAN KATA SEPERTI +MAHATHIR PEMIMPIN AGONG-RAKYAT BERSAMAMU DAN +NEGARA BERTUAH KERAJAAN KEGIGIHANMU+.

KENYATAAN PERDANA MENTERI ITU JELAS MENUNJUKKAN KEMARAHANNYA TERHADAP DAP YANG CUBA MENJADIKAN PEMBANGUNAN BUKIT CINA DAN JUGA PEMBUANGAN SISA RADIO AKTIF DI PAPAN SEBAGAI SATU ISU POLITIK.

DALAM ULASAN PERTAMA DI KHALAYAK RAMAI MENGENAI ISU BUKIT CINA ITU, D R. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEBARANG PEMBANGUNAN MANA-MANA KAWASAN ADALAH PERKARA BIASA TETAPI MALANGNYA ISU ITU +DIPUJA, DIHEMBUS DAN DIJADIKAN ISU PERKAUMAN+.

+ADAPARTI PEMBANGKANG YANG SENGAJA SUKA MEMBANGKIT-BANGKITKAN SOAL-SOAL YANG MEMBAWA KEPADA KEGELISAHAN RAKYAT DAN UNTUK MENGGKILSATKAN PERPECAHAN DI ANTARA SATU KAUM DENGAN KAUM LAIN. INI BERLAKU DI MELAKA DAN NEGERI-NEGERI LAIN, + KATANYA.

SAMBIL MENYATAKAN KESALNYA KERANA MEREKA INI SENGAJA Mencari ISU-ISU YANG DIHEMBUS DAN DINYALAKAN MENJADI APA YANG MEMBAKAR NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA IA JELAS MENUNJUKKAN WUJUDNYA PUK EKSTREMIS SANG MEMPUNYAI PEMIKIRAN EKSTREMIS DAN TIDAK MAHU BERTOLAK ANSUR.

DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional meminta semua anggota parti komponen supaya jangan turut mencontohi tindak-tanduk parti pembangkang itu.

\*ADA DI KALANGAN KITA YANG IKUT MELATAH MENYAMBUT BAIK DAN MENGIKUTI PEMIKIRAN DAP ITU YANG BOLEH MERENGGANGLAN PERPADUAN YANG TELAH TERJALIN DI ANTARA ANGGOTA BN+.

DR. MAHATHIR BERKATA PARTI-PARTI KOMPONEN BN PERLU BERHATI-HATI DENGAN KUMPULAN SEPERTI DAP ITU YANG SERING MENJADIKAN SEMUA PERKARA KECIL SEBAGAI SATU ISU PERKAUMAN SEOLAH-OLAH TIDAK ADA SATU YANG BAIK DILAKUKAN OLEH KERAJAAN.

+PERPADUAN TETAP WUJUDI KALANGAN BARISAN NASIONAL DAN SEBARANG MASALAH YANG DIHADAPI BOLEH DISELESAIKAN DENGAN CARA RUNDINGAN, SECARA AMAN DAN DAMAI, DENGAN WARAS DAN TIDAK DIPENGARUHI OLEH EMOSI, + TEGASNYA.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA DAP DALAM MEMPERJUANGKAN SATU ISU BUKAN UNTUK KEBAIKAN KAUM ATAU NEGARA TETAPI SEMATA-MATA Mencari jalan supaya berlakunya perpecahan dalam Barisan Nasional.

DR. MAHATHIR BERKATA DAP INGIN KAN UMNO, MCA DAN MIC BERPISAH SUPAYA SOKONGAN YANG DIBERIKAN OLEH RAKYAT PELBAGAI KAUM TERHADAP AKAN TURUT TERJEJAS DAN MEREKA MEMPEROLEHI KEMENANGAN. BI

+KITA MELIHAT BAGAIMANA SEMANGAT PERKAUMAN BOLEH MENCETUSKAN MALAPETAKA DI SEBUAH NEGARA DI ASIA SELATAN BARU-BARU INS OLEH KERANA DISEBABKAN SOAL PERKAUMAN ITU SENGAJA DIPUJADI NECARA ITU+ -- BERNAMA